



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
26 Januari 2018**

**PNB AGIH SUMBANGAN ZAKAT KEPADA PELAJAR
KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN
*Sebagai Bantuan Kewangan dan Motivasi Demi Mencapai Kecemerlangan Akademik***

KUALA PILAH, 26 Januari 2018:- Seramai 1,100 orang pelajar Kolej Matrikulasi akan menerima sumbangan zakat Permodalan Nasional Berhad (PNB) berjumlah RM700,000 di bawah Program Zakat bagi Pelajar Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peringkat pertama penyerahan zakat telah berlangsung hari ini dalam satu majlis yang diadakan di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS). Sumbangan diserahkan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Sri Hasan Malek, Duta Besar ke Kemboja yang juga Ahli Parlimen Kuala Pilah, bersama Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Mengulas mengenai sumbangan zakat ini, Tan Sri Abdul Wahid berkata, "PNB berada di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kuala Pilah ini sebagai kesinambungan majlis minggu lepas pada 17 Januari di Putrajaya. Sejumlah 70 orang pelajar KMNS telah menerima sumbangan, yang mana 20 pelajar cemerlang menerima RM1,000 setiap seorang, manakala 50 pelajar miskin menerima RM500 setiap seorang, menjadikan nilai keseluruhan sumbangan berjumlah RM45,000. Baki 1,030 pelajar kolej matrikulasi lain akan menerima bahagian masing-masing di majlis berasingan."

Beliau menambah, "Penyerahan sumbangan zakat ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar KMNS apabila melanjutkan pengajian masing-masing di universiti pada bulan September kelak. Saya ingin berpesan kepada para pelajar untuk memanfaatkan wang yang diterima dengan sebaiknya dan gunakan hanya bagi tujuan pendidikan."

Salah seorang penerima sumbangan, Muhammad Shukor Mohd. Sham berkata, "Alhamdulillah, syukur atas bantuan yang diberikan yang pastinya akan membantu persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti nanti. Saya juga percaya keputusan cemerlang yang berjaya dicapai adalah berkat doa ibu bapa saya dan juga bantuan daripada guru dan rakan-rakan. Semoga cita-cita saya untuk menjadi seorang akauntan menjadi kenyataan suatu hari nanti."

Penerima sumbangan zakat PNB terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama melibatkan 300 pelajar cemerlang yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.50 mata dari keluarga berpendapatan 40% terendah atau B40, yang akan menerima sumbangan zakat berjumlah RM1,000 setiap seorang. Kategori kedua pula melibatkan 800 pelajar dari keluarga B40 yang akan menerima sumbangan zakat berjumlah RM500 setiap seorang.

Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan merupakan lokasi pengagihan sumbangan zakat PNB yang pertama. Pengagihan seterusnya akan dilakukan di beberapa kolej matrikulasi seluruh negara.

-tamat-

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad